

10 kakitangan UTHM di New Zealand selamat

BATU PAHAT: Semua 10 kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang melanjutkan pengajian di New Zealand bersama keluarga masing-masing dan empat pelajar Malaysia yang berada di universiti berhampiran Christchurch yang dilanda gempa bumi kelmarin, dilaporkan selamat.

Christchurch, bandar raya kedua terbesar di New Zealand, dilanda gempa bumi 6.3 pada Skala Richter menyebabkan 75 terkorban.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UTHM, Profesor Dr Abdul Aziz Abdul Samad berkata, sebaik me-

ngetahui kejadian, pihaknya terus menghubungi kakitangan membabitkan pensyarah yang melanjutkan pengajian di negara berkenaan menerusi telefon dan e-mel.

"UTHM menghantar 10 kakitangan bagi melanjutkan pengajian peringkat ijazah kedoktoran (PhD) di lima universiti iaitu University of Canterbury, Lincoln University, Massey University, University of Wakaito dan Auckland University of Technology.

"Hanya empat kakitangan kami melanjutkan pengajian di University of Canterbury iaitu Nor Hayati Abd Ghafar, Basil David

Daniel, Syariful Syafiq Shamsudin serta Sabariah Saharan dan mereka berada di lokasi gempa.

"Bagaimanapun, baki enam kakitangan lain tidak terjejas kerana berada jauh dari lokasi gempa bumi.

"Rumah empat kakitangan berkenaan mengalami keretakan dan berlaku runtuhan kecil, tetapi syukur mereka serta keiuarga masing-masing tidak mengalami sebarang kecederaan," katanya.

Menurut beliau, semua empat kakitangan itu kini berlindung di kediaman masing-masing inci mandangkan lokasi berkenaan masih merasai kesan gegaran kecil.



DR ABDUL AZIZ...tiada sebarang kecederaan